

15/10/2003

Ketua negara anggota mula tiba

PUTRAJAYA: Timbalan Perdana Menteri Arab Saudi, Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz al-Saud, tiba di sini semalam bagi melakukan lawatan rasmi dua hari dan menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-10.

Ketibaan beliau di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang dekat sini disambut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri Kabinet lain.

Menteri Luar Arab Saudi, Putera Saud al-Faisal yang tiba tiga hari lalu bagi menghadiri mesyuarat persediaan sidang kemuncak itu turut hadir.

Putera Mahkota Abdullah kemudian memeriksa perbarisan kehormat terdiri daripada tiga pegawai dan 104 anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) diketuai Mejar Saiful Bahari Zainol.

Lagu kebangsaan negara Asia Barat yang kaya dengan minyak itu dan Negara Ku kemudian dimainkan.

Terdahulu, Presiden Bosnia, Sulejman Tihic dan Presiden Sudan, Omer Hassan Ahmaed El-Bashir adalah dua pemimpin pertamatiba di sini bagi menghadiri Sidang Kemuncak OIC.

Sementara itu, ketibaan Perdana Menteri Bangladesh, Begum Khaleda Zia, semalam disambut Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Selain ketua kerajaan dan negara anggota OIC, Presiden Russia, Vladimir Putin dan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo akan menghadiri sidang kemuncak dua hari itu sebagai tetamu.

Sebanyak 35 ketua negara dan kerajaan pertubuhan 57 anggota itu menghadiri sidang kemuncak itu.

Dr Mahathir mempengerusikan sidang kemuncak itu, yang pertama diadakan di rantau Asia Pasifik sejak OIC ditubuhkan pada 1969.